

Editor

Hariza Mohd Yusof • Adam Wong Abdullah • Noor Lide Abu Kassim

# Kelestarian Penerbit Universiti

## Cabaran Masa Kini



Kelestarian  
Penerbit  
Universiti



# Kelestarian Penerbit Universiti Cabaran Masa Kini

Editor

Hariza Mohd Yusof • Adam Wong Abdullah • Noor Lide Abu Kassim



PENERBIT  
UNIVERSITI  
MALAYA

KUALA LUMPUR • 2024



IIUM  
Press

Terbitan bersama oleh:

**Penerbit Universiti Sains  
Islam Malaysia**  
Universiti Sains Islam  
Malaysia  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan

**Penerbit Universiti Malaya**  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
www.umpress.com.my

**Penerbit Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia**  
Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia  
Jalan Gombak, Gombak  
53100 Kuala Lumpur

DOI: 10.14425/9789674883614

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (*MABOPA*) No. 196906  
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, Penerbit Universiti Malaya & Penerbit Universiti  
Islam Antarabangsa Malaysia, 2024

Semua hak terpelihara.  
Tiada mana-mana bahagian jua  
daripada penerbitan ini  
boleh diterbitkan semula atau disimpan  
dalam bentuk yang boleh diperoleh semula  
atau disiarkan dalam sebarang bentuk  
dengan apa cara sekali pun  
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,  
rakaman atau lain-lain tanpa  
mendapat izin daripada Penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari  
Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-967-488-361-4

Dicetak oleh  
Penerbit Universiti Malaya  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

# KANDUNGAN



<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>xi</i>
<b>Penerbitan Lestari untuk Penerbit Universiti</b> <i>Adam Wong Abdullah dan Norashikin Wahid</i>	<b>1</b>
<b>Falsafah, Hala Tuju dan Tanggungjawab Penerbit Universiti</b> <i>Noor Lide Abu Kassim, Maswa Mokhti, Siti Haida Mohd Ishak, Munirah Mohd Rozlan dan Norfarhana Morad</i>	<b>13</b>
<b>Tadbir Urus dan Sumber Manusia Penerbit Universiti Awam</b> <i>Rabil Sitta Abdul Rahman dan Zurina Mansor</i>	<b>25</b>
<b>Cabaran Mengurus Manuskrip di Penerbit Universiti</b> <i>Hariza Mohd Yusof</i>	<b>43</b>
<b>Cabaran dalam Perolehan Manuskrip</b> <i>Dilah Tuah dan Malia Taibi</i>	<b>55</b>
<b>Sistem E-Manuskrip: Transisi Perolehan Manuskrip Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia</b> <i>Muhammad Zunnurain Razali, Aimie Johari, Nadzirah Yahya, Nur Hafizah Abu Bakar dan Muhammad Khair Abd Razak</i>	<b>63</b>

<b>Peranan dan Tanggungjawab <i>Commissioning Editor</i>: Pengalaman USM Popular</b>	<b>73</b>
<i>Jannatun Hidayah Umar dan Mohd Yusri Kamaruddin</i>	
<b>Strategi USIM Mempelbagaikan Bentuk Penerbitan sebagai Usaha ke Arah Kelestarian Penerbitan Buku</b>	<b>83</b>
<i>Noor Adibah Mohamad, Khairunnajwa Mohd Tahet, dan Mohamad Zulhilmi Mohd Nazar</i>	
<b>Penerbitan dan Pemasaran Buku pada Era Pascanormal</b>	<b>97</b>
<i>Sakri Abdullah dan Mohd Zulkanien Sarbini</i>	
<b>Memperkasa Pemasaran dalam Talian untuk Penerbitan Ilmiah di Malaysia Melalui Platform <i>Marketplace</i></b>	<b>111</b>
<i>Mohd Zaidi Abdullah, Mohd Yusri Kamaruddin dan Zulkifli Musa</i>	
<b>Kelestarian Penerbit Universiti di Malaysia: Penjanaan Kewangan Penerbit UiTM</b>	<b>123</b>
<i>Ghazali Daimin, Diana Semaon, Nor Suziwana Tahir, Nur Farabiyah Shamsudin dan Siti Maheran Mohd Faudzi</i>	
<i>Biodata Editor dan Senarai Penyumbang</i>	<i>135</i>
<i>Indeks</i>	<i>141</i>

# SENARAI RAJAH DAN JADUAL



Rajah 1.1:	Kitaran penerbitan	3
Rajah 3.1:	Insentif penerbitan buku dengan Penerbit UMT	29
Rajah 3.2:	Data penerbitan Penerbit UMT dari tahun 2020 hingga tahun 2022	29
Rajah 3.3:	Skop fungsi dan bidang tugas Pegawai Penerbitan	37
Rajah 3.4:	Kaedah pemasaran dan jualan oleh Penerbit UMT	39
Rajah 6.1:	Proses penyerahan manuskrip melalui sistem e-Manuskrip	67
Rajah 7.1:	Struktur organisasi USM Popular	74
Rajah 7.2:	Proses penerbitan USM Popular	77
Rajah 7.3:	Contoh perancangan judul tahunan	78
Rajah 8.1:	Proses penerbitan buku di Penerbit USIM	85
Rajah 8.2:	E-buku Penerbit USIM di eSentral	89
Rajah 8.3:	Bilangan e-buku mengikut tahun dan bahasa	91
Rajah 8.4:	Siri-siri artikel yang telah dijadikan podcast dan dimuat naik dalam laman web USIM Podcast	94



## KELESTARIAN PENERBIT UNIVERSITI

Jadual 3.1:	Bilangan staf Penerbit UniSZA mengikut bahagian	30
Jadual 3.2:	Bilangan staf Penerbit UMT mengikut seksyen	32
Jadual 3.3:	Penerbitan Jurnal UMT mengikut jumlah isu dan artikel	34
Jadual 3.4:	Senarai Buku Dasar Penerbitan UMT dari tahun 2006 hingga 2021	35
Jadual 3.5:	Kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi pemilihan Pegawai Penerbitan (N) atau Pegawai Tadbir (N) di sebuah penerbit universiti awam	36
Jadual 4.1:	Jumlah staf penerbit universiti di Malaysia	49
Jadual 4.2:	Bilangan pegawai penerbitan penerbit universiti di Malaysia	50
Jadual 4.3:	Jumlah pegawai penerbitan penerbit universiti di Malaysia	50
Jadual 6.1:	Jumlah penerbitan buku Penerbit UKM dari tahun 2020 hingga 2022	65
Jadual 9.1:	Statistik penerbitan e-buku	98

# PRAKATA



Penerbitan buku ini merupakan usaha bersama tiga universiti iaitu Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Penerbit Universiti Malaya (UM) dan Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kerjasama penerbitan ini adalah untuk melihat ruang, cabaran, masalah dan perkongsian pengalaman para pentadbir yang berada dalam kelompok pentadbiran penerbitan di penerbit universiti dalam tugas yang rencam. Para editor, pereka letak, pembaca pruf, pentadbir, dan pengarah atau ketua penerbit antara mereka yang terlibat dalam usaha ruang lingkup untuk menerbitkan buku di penerbit masing-masing. Kelestarian penerbit merupakan gembleran yang berada dalam kitaran mereka ini. Sesebuah buku tidak akan berjaya diterbitkan sekiranya tidak ada kelompok yang menangani manuskrip mentah sehingga menjadi sebuah buku yang cantik untuk dipegang dan diperdagangkan mengikut tema yang dipilih.

Kebanyakan penerbit universiti terutamanya universiti awam bernaung di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) yang ditubuhkan pada 1997. MAPIM menjadi penyatu kepada para penerbit ini bagi mendapatkan kewangan, menjalankan pelbagai aktiviti perbukuan seperti pesta buku, bekerjasama dalam menerokai pasaran antarabangsa dan juga berkongsi ilmu dalam arena perbukuan. MAPIM menjadi nadi penggerak kepada para penerbit kecil dan besar bergabung untuk sama-sama mencitrakan dan meletakkan penerbitan ilmiah di tempat yang sewajarnya.

## KELESTARIAN PENERBIT UNIVERSITI

Pihak editor mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penulis yang telah memberikan komitmen untuk sama-sama berkongsi ruang dan pengalaman dalam bidang penerbitan bagi direncani bersama oleh para pembaca. Terima kasih juga kepada pengurusan tiga universiti yang bekerjasama untuk menerbitkan buku ini. Tidak lupa urus setia yang berada di belakang tabir, Cik Noor Adibah dan Puan Ainnatun Nadrah (Penerbit USIM) yang menggerakkan projek ini sedari awal lagi. Kami mengharapka ia memberi manfaat kepada semua penerbit universiti di Malaysia bagi meneruskan kelestarian penerbitan di universiti dengan cara yang dipandu oleh dasar serta peraturan universiti masing-masing.

*The first draft is black and white, editing gives the story color.*

-Emma Hill-

Editor

**Hariza Mohd Yusof**

**Adam Wong Abdullah**

**Noor Lide Abu Kassim**

# CABARAN DALAM PEROLEHAN MANUSKRIP

Dilah Tuah  
Malia Taibi

(Penerbit Universiti Malaysia Sarawak)



## **Pendahuluan**

Penerbit universiti telah wujud sejak tahun 1534, iaitu ketika Cambridge Universiti Press diberi kuasa oleh Henry VIII mencetak semua jenis buku<sup>1</sup>. Sejak itu, banyak buku ilmiah dan akademik telah diterbitkan oleh pelbagai penerbit universiti. Di Malaysia, terdapat sekurang-kurangnya 20 penerbit universiti yang berperanan penting dalam menyebarkan luas dan memajukan wacana akademik melalui penerbitan buku ilmiah. Menurut Shahril Anuar (2012), penerbitan ilmiah merupakan satu sistem penerbitan yang dapat membina khazanah ilmu dalam menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dan kemajuan manusia. Selain itu, penerbitan ilmiah yang berkualiti dan berprestasi tinggi dapat membantu meningkatkan imej negara sebagai pusat penyelidikan dan ilmu pengetahuan. Hal ini secara tidak langsung akan memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan di Malaysia.

Menurut Malaysian Citation Centre (MCC), jumlah penerbitan oleh pengarang Malaysia yang diindeks dalam pangkalan data Web of Science adalah sebanyak 30,330 pada tahun 2020. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 27,613. Walaupun jumlah penerbitan ilmiah di Malaysia didapati meningkat, namun terdapat kekangan dalam pemerolehan manuskrip

<sup>1</sup> <https://www.cambridge.org/our-story>

khususnya bagi penerbitan buku ilmiah. Berpandukan data Perpustakaan Negara Malaysia, sebanyak 22,376 judul diterbitkan di Malaysia pada tahun 2019. Jumlah tersebut termasuk buku, jurnal, majalah, akhbar dan jenis penerbitan lain. Majoriti penerbitan adalah dalam Bahasa Melayu, diikuti oleh Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina.

Di Sarawak misalnya, penerbitan ilmiah yang dikendalikan oleh UNIMAS Publisher mencatatkan penurunan yang ketara dalam penerbitan buku penyelidikan. Pada tahun 2020, sebanyak 30 tajuk buku penyelidikan telah berjaya diterbitkan. Manakala pada tahun 2021, jumlahnya semakin mengecil menjadi hanya tujuh tajuk dan bertambah sedikit menjadi 12 tajuk pada tahun 2022. Manakala bagi buku umum, sebanyak 44 tajuk buku berjaya diterbitkan berbanding 61 tajuk pada tahun 2021 dan 57 tajuk pada tahun 2020. Berpandukan data penerbitan di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat penurunan dalam penerbitan buku di UNIMAS Publisher. Sehubungan itu, perbincangan ini akan memfokuskan kepada cabaran yang dihadapi oleh rumah penerbit universiti dalam pemerolehan manuskrip bagi penerbitan buku ilmiah dan saintifik.

### **Cabaran Perolehan Manuskrip**

Dalam dunia penerbitan buku ilmiah, kelangsungan bagi sesebuah rumah penerbitan banyak bergantung kepada manuskrip yang diterima khususnya daripada para sarjana universiti. Kendatipun begitu, sejak kebelakangan ini perolehan manuskrip yang bermutu dan baik semakin berkurangan. Senario ini amat membimbangkan kerana tujuan penubuhan rumah penerbitan universiti adalah untuk menyediakan platform kepada ahli akademik, sarjana dan penyelidik bagi menerbitkan dan menyebarkan penemuan baharu serta pengetahuan penyelidikan mereka kepada khalayak yang lebih luas. Bahagian ini akan membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh rumah penerbitan universiti dalam pemerolehan manuskrip yang bermutu dan menarik untuk diterbitkan.

### ***Tuntutan Semasa Penerbitan di Universiti***

Trend terkini penerbitan di universiti khususnya dalam kalangan para sarjana di Malaysia lebih memfokuskan kepada penerbitan di jurnal berindeks. Hal ini disebabkan penerbitan artikel di jurnal berkualiti tinggi sangat ditekankan, terutamanya bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat penyelidikan dan pengembangan ilmu terkemuka di rantau ini. Penekanan

ini terkandung dalam *The National Higher Education Strategic Plan: Beyond 2020*, Kementerian Pengajian Tinggi sejak tahun 2007. Antara teras utama pelan strategik ini adalah untuk meningkatkan bilangan penerbitan berimpak tinggi, dengan sasaran khusus 40 peratus penerbitan, dalam 30 peratus jurnal teratas untuk bidang yang berkaitan menjelang tahun 2025. Selain itu, Malaysia Research Assessment (MyRA) turut dibangunkan untuk menilai prestasi penyelidikan universiti dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (RCoEs) (Ta et al. 2021).

Saban tahun, jumlah penerbitan artikel di jurnal berimpak didapati telah meningkat dengan ketara. Pelbagai insentif dan dana galakan telah diwujudkan oleh kebanyakan universiti di Malaysia untuk diberikan kepada penyelidik universiti sehingga RM2500 bagi artikel bertaraf *Quartile 1* (Q1) dan *Quartile 2* (Q2)<sup>2</sup>. Merit penerbitan di jurnal berindeks turut menjadi kriteria utama dalam kenaikan pangkat di universiti. Tuntutan semasa ini secara tidak langsung turut menyebabkan fokus penerbitan artikel lebih diberi tumpuan oleh para sarjana di universiti berbanding menerbitkan sebuah buku.

### ***Industri Buku yang Perlahan***

Industri buku secara amnya mengalami cabaran yang drastik sejak kebelakangan ini. Data yang dikumpul oleh Persatuan Penerbit Buku Malaysia menunjukkan sebanyak 95 buah kedai buku di Malaysia telah ditutup sejak tahun 2018, termasuk 32 cawangan pada tahun 2020. Antara kedai-kedai buku tersebut termasuk rangkaian kedai buku seperti MPH yang telah mengecilkan jualan fizikal dengan mengurangkan bilangan cawangan dan menggunakan strategi jualan dalam talian (Daim & Krishnan, 2022). Senario ini menyebabkan buku-buku yang telah diterbitkan tidak dapat dijual dan disebarluaskan kepada khalayak pembaca. Walaupun sesetengah penerbit menawarkan jualan buku secara dalam talian, namun minat rakyat Malaysia untuk membeli buku amat rendah. Tinjauan yang dibuat oleh Picodi menunjukkan bahawa 76 peratus rakyat Malaysia membeli sekurang-kurangnya satu buku sepanjang tahun 2018 (Hassandarvish, 2019).

Pembelian buku yang rendah dan minat membaca yang kurang dalam kalangan rakyat Malaysia menyebabkan jualan yang lebih rendah kepada penerbit. Hal ini secara tidak langsung turut menjejaskan hasil dan

---

<sup>2</sup> <https://people.utm.my/razman-ayop/insentif-penerbitan-jurnal-berindeks-tahun-2020/>

keupayaan penerbit untuk menghasilkan lebih banyak buku. Situasi ini turut menyebabkan pengurangan dalam kepelbagaian buku yang terdapat di pasaran, kerana penerbit akan memberi tumpuan untuk menghasilkan buku yang paling popular bagi memaksimumkan keuntungan. Selain itu, kekurangan pembaca juga boleh menyukarkan karya pengarang baharu untuk diterbitkan, kerana penerbit mungkin kurang bersedia untuk menerima penulis baharu dan belum teruji. Perkembangan industri buku yang perlahan serta pemasaran buku ilmiah yang terbatas (kebanyakan dijual di universiti) menjadi salah satu cabaran dalam pemerolehan manuskrip. Hal ini kerana buku yang tiada pembeli dan tidak dapat disebarluaskan, akan menjadi faktor penolak kepada pengarang untuk menghantar manuskrip mereka kepada penerbit.

### ***Tabiat dan Tingkah Laku Pembaca***

Kegiatan pemerolehan manuskrip dan penerbitan buku banyak bergantung kepada pembaca. Hal ini bermakna permintaan buku sangat dipengaruhi oleh topik yang diinginkan oleh pembaca, kerana pembaca membentuk pasaran buku dengan membeli buku-buku yang diminati dan diingini. Oleh itu, penulis dan penerbit perlu memahami keperluan dan kehendak pembaca untuk menghasilkan buku-buku yang berkualiti dan bermakna. Buktinya, ASEAN Book Publishers Association (2019) melaporkan bahawa permintaan buku di Malaysia didorong oleh minat membaca dan keutamaan pembaca. Laporan itu juga menyatakan bahawa ketersediaan dan kebolehcapaian buku, baik dalam format fizikal dan digital, juga boleh menjejaskan permintaan buku.

Selain itu, minat pembaca di Malaysia juga menunjukkan minat pembacaan yang agak rendah berbanding dengan negara-negara maju lain. Menurut Junus (2021), rakyat Malaysia didapati hanya meluangkan masa untuk membaca tidak lebih tiga jam seminggu berbanding rakyat India yang mencatatkan angka tertinggi iaitu melebihi 10 jam dalam tempoh yang sama. Jenis buku yang paling diminati di Malaysia ialah buku motivasi, buku agama, dan novel (ASEAN Book Publishers Association, 2019). Manakala tinjauan tentang tabiat membaca di universiti awam di Malaysia pada tahun 2019 turut menunjukkan bahawa 67 peratus responden hanya membaca tidak lebih dua jam seminggu. Situasi ini juga mempengaruhi minat penulis untuk menerbitkan buku,

## CABARAN DALAM PEROLEHAN MANUSKRIP

kerana kekurangan pembaca boleh memberi kesan kepada penulis untuk menghasilkan manuskrip yang berkualiti.

Kecenderungan melayari Internet untuk pencarian maklumat serta menggunakan laman media sosial untuk tujuan berinteraksi dan berkomunikasi turut mengurangkan aktiviti membaca dalam kalangan masyarakat masa kini. Ini kerana kebanyakan pembaca lebih suka mendapatkan maklumat secara pantas melalui carian Internet daripada menghabiskan masa yang lama untuk membaca. Kajian turut mendapati bahawa terdapat korelasi antara tabiat membaca dan penggunaan Internet pencarian maklumat, iaitu orang yang kerap menggunakan media sosial dan Internet cenderung membaca lebih banyak kandungan dalam talian, tetapi mungkin kurang membaca media cetak tradisional seperti buku dan akhbar.

### *Motivasi dan Sikap*

Tiada sebab tertentu mengapa seseorang ahli akademik tidak boleh menulis buku. Malah ramai dalam kalangan ahli akademik yang menerbitkan buku, dan ia menjadi bahagian penting dalam skop pekerjaan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor tertentu yang boleh menyukarkan ahli akademik untuk menulis buku. Antaranya, kekangan masa kerana ahli akademik sering sibuk dengan tugas pengajaran, penyelidikan dan pentadbiran, yang boleh menyukarkan mereka mencari masa untuk menulis buku. Selain itu, ramai ahli akademik dilatih untuk menulis dengan cara yang sangat khusus dan teknikal sehingga tidak sesuai untuk bacaan khalayak yang lebih luas.

Kekangan menerbitkan buku akademik di universiti telah dikupas secara tuntas oleh Hariza dan Shahrudin (2009). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat beberapa hambatan yang dihadapi oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dalam penerbitan buku. Antaranya adalah kurang jumlah manuskrip yang tersedia, kurang informasi tentang cara menghasilkan manuskrip yang baik dan pentingnya menulis, kurangnya motivasi untuk menulis kerana kesibukan dalam tugas pengajaran, serta proses penerbitan yang memakan waktu lama di rumah penerbitan universiti. Kekangan-kekangan ini antara penyebab utama mengapa jumlah manuskrip yang diterima oleh rumah penerbitan universiti semakin berkurangan.



## Kesimpulan

Kesimpulannya, proses penerbitan buku sememangnya mencabar bagi sesetengah ahli akademik di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung turut menjadi cabaran kepada rumah penerbitan untuk memperoleh manuskrip yang berkualiti. Walaupun terdapat ramai ahli akademik yang berbakat dan berpengetahuan yang boleh menyumbangkan pandangan dan perspektif yang berharga melalui buku, mereka juga menghadapi pelbagai halangan seperti kekangan masa, gaya penulisan akademik, dan tekanan untuk menerbitkan penyelidikan dalam jurnal berimpak. Di sebalik cabaran-cabaran ini, adalah penting untuk menyedari bahawa sesetengah ahli akademik telah berjaya menulis buku yang menarik minat khalayak akademik dan umum. Justeru, untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh ahli akademik dalam penerbitan buku, maka suatu usaha perlu dilakukan dengan menyediakan lebih banyak sokongan dan sumber untuk penulisan akademik, seperti bengkel penulisan dan *retreat* penulisan. Selain itu, institusi akademik boleh mempertimbangkan untuk menawarkan insentif atau pengiktirafan kepada ahli akademik yang berjaya menerbitkan buku.

# INDEKS



- bengkel penerbitan 28, 64  
Boot Camp 39  
buku audio 91, 92, 93, 94
- cadangan judul 75  
commissioning 74-81, 138
- Dana Penerbitan Buku (DPB) 65
- e-Manuskrip 63-67, 70, 71
- freelancer 74
- garis masa penerbitan 76  
genre 47, 48, 74-76, 88, 90, 125,  
140
- hak cipta 75, 77, 84, 93, 138, 139  
harga buku 9, 46, 76, 100
- Institut Terjemahan Buku Negara  
(ITBM) 44  
interpersonal 36, 79  
ISBN 35, 76
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)  
36  
jaringan perhubungan 79
- kajian pasaran 4, 75, 77, 79  
karyawan gig 74, 76, 77, 79, 80  
kebolehpasaran 48, 73  
kecerdasan buatan (artificial  
intelligence atau AI) 104  
kehilangan manuskrip 65, 67, 71  
kelestarian penerbit universiti 132  
keusahawanan 75  
kitaran penerbitan 3  
kolaboratif 75  
komunikasi 3, 67, 79, 103, 126,  
128, 130, 136  
kontrak 33, 48, 52, 77, 79  
kos penerbitan 77, 78, 85, 104
- Malaysian Citation Centre (MCC)  
55, 61  
MAPIM 26, 28, 38, 39, 44, 45, 51,  
83, 90, 116-120, 126, 138

## KELESTARIAN PENERBIT UNIVERSITI

- networking 79
- Open Journal System (OJS) 40
- outsourcing 74
- panduan 26, 34, 35, 52, 64, 76, 96
- pascanormal 100, 102, 104-108
- pasukan kerja 75-79
- pegawai penerbitan 36-38, 50, 51, 64-70, 74
- penerbitan ilmiah 1, 8, 26, 27, 35, 41, 44-46, 54-56, 61, 83, 116, 137, 140
- Penerbit UIAM 35, 136
- Penerbit UiTM 123-127, 129-132, 139, 140
- Penerbit UKM 51, 63-69, 71, 72, 137, 138
- Penerbit UM 28, 31, 35, 41
- Penerbit UMT 27-29, 31-35, 38-41
- Penerbit UniSZA 26, 30, 31, 33-35, 39, 41
- Penerbit USIM 41, 83-86, 89-92, 95, 96, 138, 139
- Penerbit USM 28, 31, 41, 51, 73, 74, 76, 77, 90, 139
- penilaian 5, 25, 27, 36, 46, 68-70, 75, 76, 103, 129
- perancangan kerja 78
- perekodan 65, 66, 68
- perisian 80, 88
- perjanjian 76, 90, 92
- perolehan 30, 45, 47, 51, 52, 56, 63-66, 70, 74, 75, 116, 137
- perolehan judul 75
- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 98
- pesta buku 38, 39, 79, 116, 126
- Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 26, 38, 40, 116
- podcast 92-94, 96
- proaktif 75, 79, 125
- profit and loss 76
- proposal 76
- prof 36, 46, 51, 53, 76, 104, 137
- publishing program 76
- Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) 65
- realiti maya (virtual reality, VR) 104
- realiti terimbuh (augmented reality atau AR) 104
- reka letak 47, 53, 77, 104
- royalti 26, 77, 78, 104
- ScholarOne 40
- sebut harga cetak 76
- Semakan kualiti 76
- Separa Popular 68-70
- Sidang Pengarang Universiti (SPU) 68, 69
- sistem pengumpulan manuskrip berpusat 65
- spesifikasi 47, 64, 76
- standard penerbitan 74, 75, 77, 79, 80
- tarif 78
- Tesis kepada Buku (T2B) 68
- U
- UNIMAS Publisher 56, 137
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 64, 84, 137, 138
- universiti penyelidikan 64

**"The first draft is black and white,  
editing gives the story color."**

- Emma Hill -

**K**elestarian penerbit universiti merupakan isu yang selalu diperkatakan. Penerbit universiti berkait rapat dengan universiti masing-masing kerana mereka menjadi sayap yang memegang tanggungjawab sebagai penerbit bahan rujukan sama ada bersifat ilmiah atau genre penerbitan lain. Setiap penerbit universiti lazimnya mempunyai dasar yang berbeza-beza kerana ia bergantung pada niche atau keperluan universiti di Malaysia. Dasar dan penstrukturan penerbitan ini akan menjadi garis panduan utama tentang apa yang boleh diterbitkan atau tidak dapat diterbitkan.

Dalam penerbitan buku kompilasi yang menekankan pengalaman penerbit universiti ini, terdapat beberapa perkara dan sudut pandang yang dilihat oleh para penulis yang mewakili kebanyakan penerbit di universiti. Kupasan berkaitan peranan penerbit universiti serta kitaran penerbitan, falsafah, hala tuju dan tanggungjawab penerbit universiti turut dikongsikan dalam buku ini. Selain itu, buku ini turut mengupas isu cabaran sumber manusia yang dihadapi oleh penerbit universiti termasuk cabaran perolehan manuskrip, sistem pengurusan manuskrip yang efisien, peranan dan tanggungjawab *commissioning editor*, serta strategi dalam mempelbagaikan bentuk penerbitan.

Penerbitan buku ini memberi manfaat kepada semua penerbit universiti di Malaysia bagi meneruskan kelestarian penerbitan di universiti dengan cara yang dipandu oleh dasar serta peraturan universiti masing-masing.



PENERBIT  
UNIVERSITI  
MALAYA



HUM  
Press

